

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Kajian yang menyeluruh tentang pembentukan konsep kendiri seperti yang telah dijalankan oleh Campbell dan Lavalle (1993) mendapati bahawa sekiranya konsep kendiri seseorang itu positif dan baik, maka ia akan turut membawa kebaikan pada penghargaan kendiri seseorang itu. Menurut Rosenberg (1985), ini akan diikuti pula oleh ciri-ciri tingkah laku dan sikap yang baik dan berkesan. Paul dan Fisher (1980) mendapati bahawa individu yang tinggi konsep kendirinya akan mempunyai skor yang tinggi dalam penerimaan kendiri, kemesraan sosial dan fokus kawalan berbanding dengan individu yang rendah konsep kendirinya. Sementara itu Fitts (1965), menegaskan bahawa konsep kendiri adalah sebagai penentu persepsi seseorang individu terhadap dirinya sendiri dan merupakan suatu perkara yang sangat kompleks dan tidak dapat dinyatakan dibawah satu topik sahaja. Manakala bagi Jersild (1963) pula, konsep kendiri adalah sebagai petunjuk bagi memahami dan mengetahui tentang kesihatan mental seseorang individu. Sementara itu menurut kajian yang dijalankan oleh Tashakkovi et. al (1990), konsep kendiri seseorang akan menjadi lebih stabil dan selari dengan adanya perubahan dan peredaran masa. Boiley (1979), mendapati konsep kendiri adalah suatu perkara yang sangat penting kerana ia akan dapat mempengaruhi motivasi, sikap, corak hidup dan kestabilan serta kesejahteraan hidup seseorang individu.

Kajian telah membuktikan bahawa konsep kendiri adalah sangat penting kepada setiap remaja sebagai satu motivasi kepada mereka dalam menuju kejayaan, pencapaian dan kesihatan mental. Kebiasaan remaja yang tinggi konsep kendirinya akan dapat kejayaan semasa di sekolah (Bell dan Ward, 1980). Menurut Rosenberg (1985), mereka merasakan seolah-olah mereka sudah dapat mengawal sendiri kehidupan mereka dan kejayaan yang mereka miliki adalah hasil daripada usaha mereka sendiri. Remaja yang rendah konsep kendiri juga akan lebih mudah terbawa-bawa oleh perasaan dan bertindak secara emosional.

Kajian yang telah dijalankan oleh Roger (1951), menegaskan bahawa konsep kendiri seseorang individu dan nilai kehidupannya adalah diperolehi secara interaksi awal dengan orang-orang yang signifikan dalam hidup terutamanya ibu bapa. Interaksi yang berbeza antara ibu bapa dan anak akan memberikan kesan yang berbeza ke atas mutu perhubungan diri seseorang individu. Menurutnya, konsep kendiri adalah bagaimana seseorang itu menganggap dirinya berdasarkan kesedaran tentang kelebihan dan kekurangan serta segala maklumat yang diperolehi daripada orang lain.

Kajian daripada Musseu dan Jones (Garrison & Garrison, 1975) telah membuktikan bahawa remaja lelaki yang lebih awal matang akan mendapat lebih keyakinan pada diri sendiri daripada lelaki yang lewat matang, dan boleh berperanan sebagai orang dewasa dalam hubungan interpersonal. Sementara itu Chiam Heng Keng (1975), telah membuat kajian berkenaan konsep kendiri dan kaitannya dengan jantina

seperti yang telah dikaji oleh Berger dan hasilnya ialah perbezaan jantina akan turut membawa kepada perbezaan daripada segi nilai pembentukan konsep kendiri.

Sebenarnya kajian tentang konsep kendiri telah banyak dijalankan seperti kajian yang dijalankan oleh Brookover dan rakan-rakan (1965), Richer (Clifton 1981), Cornelius dan Cockburn (1976), Lambert dan Wisenthal (dalam Brophy, 1974), Johnson (dalam Brophy, 1974), Preston (dalam Brophy, 1974), Badger (1981), Lynn, Kamarorsky, Wallin, Mc Kee dan Sheriff (dalam Jersild, 1963), Primavera dan rakan-rakan (1974), Parry (1982), Rozenberbs (1975), Bledsoe dan Dexon (1983), Cooper, Holmen dan Braithwaite (1983), Amato dan Ochitree (1986), Hurlock (1974), Pardeck dan Izikoff (1982), Bailey (1972), Rosenthal (1980), Bienvenu dan Mc Clain (1970), Offer, Ostrov dan Howard (1982), Mettson (1974), Dewo, Swall dan Savi-William (1987), Nurmi dan Pullianem (1991) dan ramai lagi.

Sementara itu di Malaysia, kajian tentang konsep kendiri mula-mula sekali dijalankan oleh Chiam Heng Keng (1976), Prakash Kaur (19800, Kalthum Wan Adam (1982), Noraini Yaakob (1982), Fatimah Yussof (1983), Nabun Ahmad (1984), Jamiaah Kechut (1985), Kalthum Othman (1987), Abdul Razak Abdullah (1988), Hamdan bin Mahfoh (1989), Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1991), Kamaliah Abu (1992), Othman bin Md. Johan (1995) dan Noraini Abdullah (1997).

Semua kajian yang telah disebutkan itu adalah merupakan kajian tentang konsep kendiri secara keseluruhan dan meliputi pelbagai topik tentang konsep kendiri.

Walau bagaimanapun untuk tujuan kajian penyelidik ini, tinjauan bahan berkait adalah setakat apa yang hendak dikaji dan ditinjau oleh penyelidik iaitu berkenaan konsep kendiri remaja dan kaitannya dengan pengaruh keluarga.

## **2.2 KONSEP KENDIRI REMAJA**

Hurlock (1974), mendapati bahawa konsep kendiri yang dimaksudkan adalah merupakan penentu terhadap segala tingkahlaku seseorang, di mana apabila konsep kendiri seseorang itu berada dalam keadaan harmoni dengan konsep-konsep yang dimiliki oleh orang lain mengenai individu tersebut, barulah individu itu mencapai penyesuaian yang baik. Sementara itu Jersild (1963) pula mendapati bahawa konsep kendiri seseorang itu merupakan kesemua perkara yang boleh dikatakan miliknya. Antara lain ia meliputi sistem idea, sikap, nilai dan komitmen seseorang. Menurutnya lagi kendiri adalah seluruh alam sekitar seseorang dan merupakan satu pusat pengalaman yang bermakna baginya kerana ia membezakan dunia dalaman seseorang daripada dunia dalaman orang lain. Ini disokong juga oleh pengkaji-pengkaji yang lain seperti Fitter dan Hammer (1969) dan Palmer (1970), di mana mereka mendapati bahawa konsep kendiri adalah sebagai satu pemboleh ubah yang sangat penting dalam memahami tingkahlaku manusia. Sementara Cooley (1956), Mead (1934) dan Sullivan (1947), pula merujuk konsep kendiri sebagai suatu gugusan idea atau tanggapan seseorang individu terhadap personaliti dan segala sifat-sifatnya. Di mana ia merupakan satu kesatuan bagi semua

sifat dan kepercayaan yang diperolehi oleh individu daripada persekitaran dan juga orang lain.

Banyak kajian telah dijalankan dan hasilnya membuktikan bahawa konsep kendiri remaja akan turut mempengaruhi mutu pembelajaran mereka. Antaranya ialah satu kajian yang telah dijalankan oleh Brookover dan rakan-rakannya (1965), iaitu satu kajian ke atas 1050 orang subjek: 513 lelaki dan 537 perempuan dari gred 7. Dalam kajian ini mereka mendapati bahawa ada hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan gred yang dicapai oleh murid-murid dalam kajian itu. Kenyataan ini juga turut disokong oleh kajian yang telah dibuat oleh Primavera dan rakan-rakannya (1974), ke atas 180 orang subjek yang terdiri daripada 77 orang subjek lelaki dan 103 subjek perempuan. Hasilnya mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik remaja tersebut. Ini bersesuaian juga dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Badger (1981), yang mana dalam satu kajian yang telah dijalankannya, selain daripada faktor genetik dan interaksi guru-murid, kelemahan pelajaran pelajar-pelajar remaja adalah disebabkan oleh pembentukan konsep kendiri mereka yang negatif.

### **2.3 PENGARUH KELUARGA KE ATAS KONSEP KENDIRI REMAJA**

Pengaruh keluarga ke atas konsep kendiri remaja yang dimaksudkan adalah daripada segi hubungan ibu dengan bapa, interaksi anak dengan ibu bapa, perhatian ibu

bapa terhadap mereka dan juga masalah remaja dengan ibu bapa. Oleh yang demikian kajian-kajian yang ditekankan di sini adalah lebih terjurus kepada apa yang dimaksudkan pengaruh tersebut seperti yang telah dijelaskan.

### **2.3.1 HUBUNGAN IBU DENGAN BAPA**

Hubungan antara ibu dengan bapa juga merupakan salah satu faktor yang penting dalam menentukan proses pembentukan kendiri seseorang remaja. Di mana dalam beberapa kajian telah mendapati sekiranya hubungan di antara kedua-duanya tidak baik, maka kendiri remaja turut terjejas dan menjadi rendah. Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Hurlock (1974), ke atas 284 orang remaja luar bandar telah mendapati bahawa hubungan ibu bapa yang tidak baik telah membawa kepada pembentukan konsep kendiri yang rendah di kalangan remaja yang dikaji.

Kajian juga telah dibuat ke atas hubungan ibu dengan bapa yang tidak baik yang terus membawa kepada perceraian. Kajian yang dilakukan oleh Bailey (1977), di mana subjek kajian adalah kepada 154 orang, 99 orang lelaki dan 55 orang perempuan telah mendapati bahawa perceraian di antara ibu dengan bapa remaja telah menyebabkan kesan yang negatif ke atas penghargaan kendiri remaja. Ini turut disokong oleh hasil satu kajian yang telah dilakukan oleh Pardeck dan Izikoff (1982), ke atas 250 orang remaja luar bandar yang mendapati bahawa 64% perceraian sememangnya berperanan penting dan utama dalam menentukan pembentukan konsep kendiri seseorang.

Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Rosenthal (1980), ke atas 300 orang pelajar remaja, telah mendapati bahawa 78% remaja yang bermasalah dengan ibu bapanya kerana disebabkan ibu bapanya sentiasa bergaduh dan bermasalah akan membawa kepada konsep kendiri yang negatif. Pardeck dan Izikoff (1982), juga telah membuat satu kajian ke atas konsep kendiri remaja seramai 168 orang yang datangnya daripada keluarga yang bermasalah, yang mana hubungan antara ibu dan bapanya bermasalah dan membawa kepada perceraian. Subjek kajian ini adalah ke atas pelajar gred 6, 7 dan 8 yang terdiri daripada pelajar yang bermasalah dan yang tidak bermasalah. Kedua-dua kumpulan ini telah dikaji dengan menggunakan Piers-Harris Self Concept Scale. Segala data yang diperolehi kemudiannya dikumpulkan dan diproses dengan menggunakan pendekatan regresi pelbagai. Hasil daripada kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelajar yang datangnya daripada keluarga yang bermasalah menunjukkan pembentukan konsep kendiri yang rendah dan negatif berbanding dengan pelajar yang datang daripada keluarga yang tidak bermasalah.

### **2.3.2 INTERAKSI ANAK DENGAN IBU BAPA**

Interaksi dan komunikasi antara anak dengan ibu bapa juga mempengaruhi pembentukan konsep kendiri seseorang remaja. Dalam satu kajian yang telah dijalankan Bienvenu dan Mc Clain (1970), ke atas 150 orang remaja telah menunjukkan bahawa interaksi dan komunikasi di antara ibu bapa adalah penting kerana ia mempunyai hubungan yang positif serta signifikan ke atas penghargaan kendiri remaja. Pendapat ini

turut disokong oleh satu kajian lain iaitu kajian oleh Mettson (1974), yang turut mengkaji tentang kesan interaksi ke atas kendiri anak. Dalam kajian tersebut beliau telah mengaitkan interaksi ibu bapa, persepsi ibu bapa terhadap interaksi dengan anak dan kepuasan ibu bapa dalam perkahwinan. Subjek kajian adalah terhadap 144 orang remaja yang berusia di antara 14 hingga 15 tahun. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa remaja yang rendah konsep kendirinya adalah kerana hubungan interaksinya dengan ibu bapa tidak berkesan, berbanding dengan remaja yang mempunyai interaksi yang baik dengan ibu bapa yang membawa kepada pembentukan konsep kendiri yang positif dan tinggi.

Kajian ke atas remaja dan kaitan di antara interaksi dengan ibu bapa turut dijalankan oleh Offer, Ostrov dan Howard (1982), ke atas pelajar gred 7,8 dan 9 yang berumur di antara 16-18 tahun yang mendapati bahawa imej kendiri seseorang remaja sangat mempunyai hubungan yang rapat dengan interaksi ibu bapa dengan anak-anak. Kenyataan ini turut disokong oleh Dewo, Swall dan Savin-William (1987), yang menjalankan satu kajian ke atas remaja bandar berumur sekitar 13,14 dan 15 tahun dan mendapati bahawa interaksi di antara ibu bapa dengan anak-anak dan hubungan interaksi sesama adik-beradik adalah sangat penting dalam kehidupan seseorang. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat satu hubungan yang kuat di antara interaksi ibu bapa dan anak-anak dengan pembentukan konsep kendiri remaja.

Nurmi dan Pullianem (1991), juga telah membuat satu kajian berkenaan topik interaksi ini di kawasan bandar Finland. Subjek kajian mereka adalah ke atas 57 orang

remaja yang berumur di antara 11 tahun dan seramai 56 orang remaja yang berumur di antara 14 hingga 15 tahun. Hasil yang didapati menunjukkan semakin tinggi mereka mengadakan perbincangan dan pergaulan dalam interaksi serta komunikasi di antara ibu bapa-remaja, maka pembentukan sikap mereka semakin positif dan baik. Oleh itu jelasnya di sini bahawa interaksi yang positif akan membawa kepada sikap yang positif yang akan mewujudkan sikap yang optimis di kalangan remaja. Kajian ini turut menyokong dan memperakui bahawa interaksi yang positif di antara ibu bapa-remaja akan mempengaruhi dan mempertingkatkan penghargaan kendiri seseorang remaja.

### **2.3.3 PERHATIAN IBU BAPA TERHADAP ANAK**

Cooley (1902), menjelaskan bahawa remaja memerlukan perhatian dan pengawasan yang sewajarnya daripada ibu bapa. Ini adalah kerana remaja yang mendapat sepenuh perhatian, kasih sayang dan sokongan daripada orang-orang yang rapat dengan mereka akan lebih meningkatkan kendiri mereka. Sebaliknya remaja yang merasakan diri mereka tidak mendapat perhatian dan tidak disukai oleh orang lain terutamanya ibu bapa akan merasakan diri mereka tidak berguna dan tidak akan menyukai diri mereka sendiri. Pendapat ini juga disokong oleh Harter (1993), di mana dalam satu kajiannya terhadap 350 orang dan beliau mendapati bahawa perhatian, sokongan dan kasih sayang daripada ibu bapa dan kawan-kawan merupakan puncak pembinaan kendiri seseorang remaja. Sementara itu menurut Rosenberg (1986), masalah kendiri yang biasa dihadapi oleh

remaja adalah kerana berpunca daripada ketiadaan sokongan dan perhatian daripada ibu bapa dan kawan-kawan.

Ini turut disokong oleh Campbell & Lavallee (1993), yang menegaskan bahawa remaja yang rendah kendirinya adalah di kalangan mereka yang terlalu mementingkan perhatian daripada orang yang rapat dengan mereka seperti ibu bapa dan kawan-kawan. Oleh itu apabila mereka tidak mendapat sepenuh perhatian sebagaimana yang diharapkan, maka ini akan merendahkan pembentukan kendiri mereka. Kenyataan ini disokong oleh satu kajian oleh Harter & Marold (1989), kepada 245 orang subjek kajian di mana mendapati bahawa faktor utama kenapa remaja ramai membunuh diri adalah kerana tidak dapat menerima dirinya sendiri akibat kurangnya perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa.

Sementara itu dalam kajian yang dibuat oleh Hart (1988), kepada pelajar remaja berumur sekitar 13 dan 14 tahun seramai 180 orang mendapati bahawa pada peringkat awal remaja merupakan satu keadaan di mana para remaja sangat memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa kerana pada peringkat seterusnya mereka akan mula beralih kepada perhatian rakan-rakan sebaya. Pendapat ini bersesuaian dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh Douvan & Adelson (1966), Offer (1969) dan Offer & Offer (1975), kepada 400 orang subjek, yang mendapati bahawa keseluruhan remaja akan mengharapkan sokongan, perhatian dan pengawasan daripada ibu bapa mereka.

### **2.3.4 MASALAH ANAK DENGAN IBU BAPA**

Sekiranya masalah yang berlaku di antara ibu bapa dengan anak adalah kecil dan minor, maka keadaan ini akan membantu anak tersebut untuk lebih matang dan berdikari dalam hidup (Smetana & Others, 1991). Di mana masalah akan membantu remaja untuk membina kemahiran perbincangan antara diri sendiri dengan orang lain dan belajar untuk berfikir dengan sendiri. Lebih-lebih lagi sekiranya sepanjang masalah itu muncul, mereka mendapat sokongan dan suasana yang harmoni daripada ibu bapa mereka (Allen & Others, 1994; Hauser & Bowlds, 1990). Sebaliknya sekiranya ibu bapa bersifat memerintah, maka remaja akan merasa semakin terpinggir dan akan menyebabkan masalah semakin besar dan konsep kendiri yang terbentuk daripada itu adalah rendah dan negatif.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Rubenstein dan Feldman (1993), ke atas 300 orang remaja, mendapati bahawa 70 % remaja pertengahan lelaki yang berupaya mengatasi masalah dengan ibu bapa, dengan berupaya untuk mendengar kata-kata ibu bapa, berupaya memberi pendapat sendiri dan masing-masing cuba untuk memahami, maka remaja tersebut dapat menunjukkan pembentukan konsep kendiri yang positif dan dapat mengawal emosi dengan baik sekali.

Akan tetapi sekiranya masalah yang berlaku adalah masalah yang besar dan berlanjutan, maka ini akan menjelaskan pembentukan konsep kendiri mereka sebagai remaja. Laursen (1995), menegaskan bahawa remaja memerlukan perbincangan tentang

sesuatu masalah dan bukannya diteruskan dengan konflik kerana ini akan merosakkan kendiri mereka. Biasanya konflik yang berlaku di antara remaja dengan ibu bapa berkisar di antara masalah tanggungjawab, pelajaran dan kebebasan.

Kalthum Wan Adam (1982), telah menegaskan bahawa konsep kendiri sangat penting dalam pembentukan personaliti seseorang remaja. Oleh itu ibu bapa sewajarnya memberikan sepenuh perhatian dan kasih sayang serta menitik beratkan tentang konsep kendiri anak-anak mereka (dalam Hamdan bin Mahfoh 1986). Ini adalah disebabkan layanan dan perhatian daripada ibu bapa akan tetap diingati dan dikenang oleh seseorang anak walaupun setelah mereka keluar daripada masa kawalan dan perhatian ibu bapa mereka.

#### **2.4 PERBEZAAN KONSEP KENDIRI DARI SEGI JANTINA**

Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Chiam Heng Keng (1975), didapati antara pelajar perempuan dengan lelaki terdapat perbezaan yang jelas daripada segi konsep kendiri. Dalam kajian ini subjeknya adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat di kawasan Kuala Lumpur di mana seramai 256 orang pelajar perempuan telah terlibat dan pelajar lelaki pula adalah seramai 249 orang. Ini diikuti pula oleh satu kajian beliau yang lain pada tahun 1976 di mana dalam kajian ini beliau mengkaji tentang perkaitan di antara unsur-unsur dalam pembentukan konsep kendiri. Hasil kajian ini turut menyokong kajiannya yang pertama di mana terdapat perbezaan di antara pelajar

perempuan dengan pelajar lelaki dari segi penghargaan kendiri, kendiri personal, kendiri sosial dan konsep kendiri pencapaian.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Lynn, Kamarorsky, Wallin, Mc Kee dan Sheriff (dalam Jersild, 1963), ke atas remaja seramai 200 orang, telah mendapati bahawa remaja perempuan sangat susah untuk menerima tentang keadaan identiti mereka berbanding dengan remaja lelaki yang lebih mudah untuk menerima kenyataan. Sikap ini jelas menunjukkan adanya kaitan dengan pembentukan konsep kendiri remaja-remaja tersebut dan wujudnya perbezaan jantina dalam pembentukan tersebut. Pendapat ini juga sebenarnya turut disokong oleh Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1991), yang telah menjalankan kajian mereka tentang konsep kendiri dan kaitannya dengan jantina. Kajian mereka membataskan konsep kendiri kepada empat dimensi ,iaitu kendiri fizikal, kendiri keluarga, kendiri sosial dan kendiri intelek. Alat kajian terdiri daripada satu soal selidik yang mengandungi lapan puluh item. Enam puluh item diterjemah daripada Skala Konsep Kendiri Tennessee dan dua puluh item lagi diterjemah daripada skala Konsep Kendiri Harris. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan daripada konsep kendiri keluarga dan sosial mengikut jantina.

Sementara itu terdapat juga beberapa kajian yang tidak menyokong pendapat tersebut dengan mengatakan bahawa tidak terdapat perbezaan secara jantina dalam pembentukan konsep kendiri. Antaranya seperti kajian yang telah dijalankan oleh Primavera dan rakan-rakannya (1974) ke atas 180 orang subjek yang terdiri daripada 77 subjek lelaki dan 103 subjek perempuan. Beliau telah menggunakan Coopersmith Self-

Esteem Inventory untuk mengukur konsep kendiri pelajar. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tentang konsep kendiri di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Douvan & Adelson (dalam Elder, 1968) ke atas 250 orang telah juga mendapati bahawa tiada perbezaan daripada segi jantina ke atas konsep kendiri, cuma pelajar lelaki lebih mementingkan pencapaian di sekolah dan bimbangkan masalah vokasional berbanding pelajar perempuan yang lebih bimbangkan tentang masalah penerimaan rakan-rakan, teman lelaki dan ibu bapa.

Kajian Fatimah Yussof (1983), ke atas pelajar-pelajar bandar dan luar bandar. Hasilnya mendapati bahawa terdapat perbezaan konsep kendiri antara pelajar luar bandar dan bandar di samping persepsi yang ditunjukkan oleh pelajar di bandar adalah lebih tinggi daripada pelajar luar bandar. Akan tetapi tidak terdapat sebarang perbezaan dalam konsep kendiri di antara remaja lelaki dan remaja perempuan. Pendapat tersebut telah disokong sepenuhnya oleh satu kajian lain yang telah dijalankan oleh Nabun Ahmad (1984), ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat di salah sebuah sekolah di kawasan luar bandar. Hasil kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan dalam konsep kendiri di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Hasil ini juga turut disepakati oleh Jamiaah Kechut (1985) dalam kajianya di sebuah sekolah di kawasan bandar yang mendapati bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan dalam konsep kendiri di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan .

Kajian seterusnya juga menyokong pendapat tersebut. Salah satu kajian yang dijalankan oleh Kalthum Othman (1987), di salah sebuah sekolah di Kuching, Sarawak mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina seseorang dengan pembentukan konsep kendiri. Beliau telah menggunakan soal selidik Konsep Kendiri Tennessee dan data di analisa dengan menggunakan kaedah Korelasi Hasil darab Momen Pearson. Kajian yang turut dijalankan oleh Abdul Razak bin Abdullah (1988) di sebuah sekolah berasrama penuh di Perlis juga mendapati bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan konsep kendiri. Ini turut dipersetujui oleh satu kajian yang dijalankan oleh Hamdan bin Mahfoh (1989) ke atas 40 orang subjek dalam tingkatan enam di Johor Bharu yang mendapati sememangnya tidak ada perbezaan di antara jantina dengan konsep kendiri.

## 2.5 RUMUSAN

Dalam bab ini telah diutarakan dengan terperinci beberapa kajian literatur yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Semoga dengan adanya kajian literatur yang terdahulu itu akan dapat menguatkan lagi kajian yang dijalankan. Seterusnya diharapkan kajian ini akan dapat menyokong segala dapatan kajian literatur tersebut.